

IGB jual saham firma pelaburan hartanah

Thursday, October 21, 2021

Clipped from:

<https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/10/878443/igb-jual-saham-firma-pelaburan-hartanah>



IGB Bhd

KUALA LUMPUR: Verokey Sdn Bhd (VSB), anak syarikat milik penuh tidak langsung IGB Bhd menjual 50 peratus kepentingannya dalam firma pelaburan hartanah, Black Pearl Ltd (BPL) kepada HNG Blackfriars 1 pada harga £104.38 juta (RM598.9 juta).

Langkah itu adalah bagi merealisasikan pelaburan VSB dalam BPL di bawah urus niaga yang menilai BPL pada £208.75 juta (RM1.19 bilion).

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini, IGB berkata VSB dan Tower Ray Ltd (TRL), yang masing-masing memiliki 50 peratus kepentingan dalam BPL sebelum penjualan itu, memeterai perjanjian jual dan beli bersamanya dan HLG pada harga £208.75 juta (RM1.19 bilion).

Ia berkata, di bawah perjanjian berkenaan, penjual bersetuju terhadap penjualan 100 peratus kepentingan ekuiti dalam BPL dan memindahkan semua hak serta kepentingan hutang pemegang saham BPL terhadap penjual, kepada pembeli pada pertimbangan agregat £208.75 juta (RM1.19 bilion).

"Lembaga pengarah mempertimbangkan bahawa urus niaga ini bermanfaat kepada IGB kerana mewakili peluang kepada kumpulan untuk merealisasikan pelaburan dalam BPL.

"Hasil penjualan akan digunakan bagi modal kerja am kumpulan IGB, termasuk tetapi tidak terhad kepada peruntukan semula modal untuk pelaburan yang menghasilkan lebih banyak nilai serta pulangan.

"Kos asal pelaburan VSB adalah £5,000 bagi 50 peratus kepentingan ekuiti dalam BPL. Dalam penyata kewangan diaudit IGB setakat 31 Disember 2020, jumlah pelaburan VSB dalam BPL adalah RM370 juta, termasuk pendahuluan pemegang saham kepada BPL berjumlah RM376.5 juta," katanya.